

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 SEPTEMBER 2013 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	485 inovasi berpotensi dikomersial	Berita Harian
2	AELB sahkan tiada kebocoran radioaktif di kawasan kargo KLIA	Bernamea.com
3	Tiada kebocoran radioaktif	Berita Harian
4	Gempa bumi bermagnitud 6.3 gegar Pakistan	Bernamea.com

485 inovasi berpotensi dikomersial

» YIM jelajah seluruh negara bawa hasil ciptaan ke peringkat lebih tinggi

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah menemui 485 inovasi akar umbi yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan di bawah program Jejak Inovasi 2.0.

Jumlah itu menghampiri sasaran YIM untuk menjejaki sehingga 500 inovasi akar umbi pada tahun ini susulan kejayaannya menemui 379 inovasi menerusi program sulung Jejak Inovasi tahun lalu.

Ketua Pegawai Operasinya, Muhammad Aziph Mustapha, berkata program Jejak Inovasi 2.0 menghampiri kemuncaknya selepas menjelajah enam zon di seluruh negara sepanjang tahun ini dengan sambutan diterima daripada pencipta inovasi akar umbi di setiap zon adalah sangat memberangsangkan.

"Kami menyasarkan 50 daripada inovasi akar umbi yang ditemui pada program Jejak Inovasi kali ini dapat dimasukkan ke dalam senarai inovasi yang bersedia untuk



Datin Nur Wahidah menyampaikan hadiah kepada Nur Faezal Elias pada majlis penyampaian hadiah inovasi terbaik Jejak Inovasi Zon Tengah di Cyberjaya, semalam sambil diperhati Muhammad Aziph.

dikomersialkan," katanya semasa ditemui selepas majlis penyampaian hadiah inovasi terbaik Jejak Inovasi Zon Tengah di Cyberjaya, semalam.

6 inovasi akar umbi

Sebanyak enam inovasi akar umbi terbaik peserta dari Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dipilih oleh panel pakar yang mendapat ganjaran komputer riba idola 1Malaysia serta insentif bantuan perundingan tambah nilai serta khidmat nasihat daripada YIM.

Menerusi Jejak Inovasi Zon Tengah, sebanyak 21 inovasi akar umbi telah dijejaki oleh YIM.

Daripada 21 inovasi berkenaan, enam inovasi dipilih sebagai yang terbaik antaranya ialah inovasi kitar semula polisterin dan surat khabar, 'navi sense', papan permainan MERCI Malaysia, Digital Mutawwif, Nobidden dan Soket Kuasa Unity.

Hadiah disampaikan Ketua Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

(MOSTI), Datin Nur Wahidah Wong Abdullah.

Pada majlis sama, YIM turut menganjurkan program 'Bual Bicara Teh Tarik' bersama jutawan buah yang juga pengasas MBG Fruits, Adnan Lee Chong Fatt Abdullah.

Mengulas lanjut, Muhammad Aziph berkata, inovasi akar umbi yang mempunyai potensi tertinggi

akan dibantu dalam pelbagai aspek oleh YIM supaya hasil ciptaan berkenaan berupaya dibawa ke tahap lebih tinggi, termasuk dipasarkan sehingga ke luar negara.

"Antara bantuan yang diberikan termasuk daripada segi latihan, pelan perniagaan, penjenamaan dan carian paten," katanya.

Beliau menambah, YIM juga akan membantu pereka bentuk inovasi berkenaan mendapatkan dana bagi memasarkan produk daripada MOSTI serta agensi berkaitan seperti Cradle Fund.

"Kami berperanan sebagai pemudah cara kepada pereka bentuk berkenaan dengan membantu memadamkan keperluan kewangan mereka dengan produk yang dihasilkan," katanya.

Antara bantuan yang diberikan termasuk daripada segi latihan, pelan perniagaan, penjenamaan dan carian paten"

Muhammad Aziph Mustapha,
Ketua Pegawai Operasi YIM

Jejak Inovasi adalah sebahagian program yang dirangka oleh YIM untuk menggalakkan pembedayaan kreatifiti dan inovasi di kalangan masyarakat Malaysia, khususnya di peringkat akar umbi.

Pada penganjuran sulungnya, sebanyak 76 inovasi akar umbi dikenal pasti bersedia untuk dikomersialkan dengan hasil ciptaan terbahari dimasukkan ke dalam inkubator YIM.



AELB Sahkan Tiada Kebocoran Radioaktif Di Kawasan Kargo KLIA

PUTRAJAYA, 27 Sept (Bernama) -- **Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)** mengesahkan tiada kebocoran radioaktif dikesan berlaku di kawasan kargo KL Airport Services Sdn Bhd, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pengarahnya Datuk Raja Abdul Aziz Raja Adnan berkata perkara itu disahkan selepas pegawainya melakukan pemeriksaan selama hampir sejam di kawasan berkenaan.

"Kita menerima panggilan daripada Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Bomba KLIA yang memaklumkan kepada kami mengenai kejadian itu pada pukul 12 tengah hari tadi," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Beliau berkata hasil pemeriksaan mendapati hanya satu daripada empat kotak mengandungi projektor delta-880 yang mengandungi bahan logam radioaktif jenis Iridium-192 didapati rosak dipercayai terkena air.

Empat kotak berisi bahan berkenaan adalah milik syarikat Altec Industrial & Engineering Supply Sdn. Bhd.

"Hanya lapisan luar bungkusannya sahaja yang rosak dan tidak menjejaskan projektor tersebut," katanya.

Raja Abdul Aziz berkata pihaknya akan menyiasat untuk mengenal pasti tempat asal berlakunya kerosakan pada kotak itu memandangkan ia dihantar melalui perkhidmatan kurier yang melalui tiga negara sebelum, sampai di Malaysia.

-- BERNAMA

Tiada kebocoran radioaktif

» **Pemeriksaan rapi dapati gudang kargo KLAS selamat**

Oleh **Magendran Rajagopal dan Zanariah Abd Mutalib**
bhnews@bh.com.my

► **Selangor**

Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) mengesahkan tiada kebocoran atau pencemaran radioaktif berlaku di gudang kargo KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS) selepas melakukan pemeriksaan rapi semalam.

Ketua Pengarah AELB, Raja Datuk Abdul Aziz Raja Adnan, berkata pihaknya melakukan pemeriksaan itu selepas di-

maklumkan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) yang mengesyaki mungkin berlaku kebocoran bahan radioaktif.

Bahan berkenaan adalah logam radioaktif Iridium-192 yang terkandung dalam projektor radiografi Delta 880 yang tiba dari Guangzhou, China, kira-kira jam 7.30 pagi semalam. Ada empat projektor radiografi dibungkus dalam kotak berasingan, namun bungkusan salah satu alat itu rosak dipercayai terkena air.

Pekerja salah sangka

“Disebabkan kerosakan itu, pekerja kargo menyangka ia kebocoran cecair radioaktif dan segera menghubungi AELB. Bagaimanapun, kita sudah buat ujian sapuan (swipe test) ke atas alat berkenaan dan didapati tiada kebocoran.

“Ujian di kawasan sekitar melalui meter tinjau sinaran

serta imbasan terhadap dua pekerja terbabit juga tidak menunjukkan sebarang kesan radiasi,” katanya pada sidang media, di sini semalam.

Raja Abdul Aziz berkata, pihaknya akan membuat laporan kepada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) untuk siasatan lanjut kerana laporan awal mendapati alat berkenaan hanya dibalut plastik dan pita pelekat sebaik ditemui, dipercayai dilakukan selepas bungkusan asalnya rosak.

“Sepatutnya, sebarang kerosakan pada bungkusan perlu dilaporkan segera supaya tindakan keselamatan dapat diambil lebih awal. Kita tak tahu di mana bungkusan itu terkena air kerana ia dikirim dari Boston, Amerika Syarikat dan transit di Kansai, Jepun serta Guangzhou sebelum tiba di KLIA,” katanya.

Beliau menjelaskan, semua

alat berkenaan sudah diambil pemilikinya iaitu syarikat pembekal bahan radioaktif berdaftar yang beroperasi di Subang.

Isytihar selamat

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Operasi) Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Datuk Azmi Murad, berkata kejadian disyaki kebocoran bahan kimia itu dilaporkan berlaku di gudang kargo KLAS, jam 11.15 pagi semalam.

“Unit Bomba Lapangan Terbang (AFRS) mengambil tindakan awal seperti ditentukan dalam prosedur operasi standard (SOP), disusuli tindakan Jabatan Bomba dan Penyelamat, HAZMAT serta AELB yang tiba kira-kira jam 12.50 tengah hari. Mereka mengisytiharkan keadaan selamat kira-kira jam 2.15 petang tadi (semalam),” katanya.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 28 SEPTEMBER 2013 (SABTU)



Gempa Bumi Bermagnitud 6.3 Gegar Pakistan

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Gempa bumi kuat bermagnitud 6.3 pada skala Richter melanda Pakistan pada 3.34 petang, Sabtu.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** di sini, pusat gempa ialah 248 km di barat daya Larkana, Pakistan dan 4,304 km di barat laut Langkawi, Kedah.

Tiada ancaman Tsunami dikeluarkan.

-- BERNAMA